

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1989/90

Mac/April 1990

CSK101 - Kenalfahaman Komputer

Masa : [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi 6 muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab SEMUA soalan.

Semua jawapan mestilah ditulis di dalam Bahasa Malaysia.

1. (a) Lakar dan labelkan bentuk struktur asas sistem komputer. Tunjukkan aliran data dan juga aliran kawalannya. Berpandukan lakaran tersebut, terangkan secara ringkas bagaimana komputer beroperasi.

(30/100)

(b) Apakah fungsi-fungsi unit input dan unit output? Berikan 5 contoh bagi setiap unit yang biasa digunakan oleh komputer masa kini.

(15/100)

(c) Bincangkan mengenai konsep storan utama. Lakarkan bentuk fizikal storan utama untuk menyokong perbincangan anda itu.

(20/100)

(d) Unit Pemprosesan Pusat boleh dibahagikan kepada dua bahagian utama, iaitu unit kawalan dan unit aritmetik dan logik. Huraikan fungsi-fungsi setiap bahagian tersebut terhadap sesebuah sistem komputer.

(20/100)

...2/-

(e) Tukarkan sistem penomboran berikut (tunjukkan langkah-langkah penyelesaiannya).


(i) 1011011010 sistem perduaan kepada sistem perlapanan.

(ii) 0.845 sistem perpuluhan kepada sistem perduaan.

(iii) 0.1101 sistem perduaan kepada sistem perpuluhan.

(15/100)

2. (a) Lengkapkan komponen-komponen di dalam sistem pengoperasi ini. Terangkan fungsi-fungsi yang dijalankan oleh komponen (i).



(20/100)

(b) Bincangkan Bahasa Peringkat Rendah (Generasi 1 dan 2) di dalam Hirarki Bahasa Pengaturcaraan.

(20/100)

(c) Bina satu carta-alir yang lengkap untuk menentukan gred yang diperolehi oleh setiap pelajar di dalam satu kelas dengan mengikut langkah-langkah berikut:

(i) Baca nama pelajar dan empat markah ujian yang diperolehi.

...3/-

- (ii) Kira purata markah yang diperolehi dari keempat-empat ujian tersebut.
- (iii) Tentukan gred yang diperolehi daripada purata markah tersebut. Anggapkan $A \geq 70$, $70 > B \geq 60$, $60 > C \geq 50$, $50 > D \geq 40$ dan $40 > F$.
- (iv) Cetak nama pelajar, purata markah dan gred yang diperolehi.
- (v) Ulang langkah (i) hingga (iv) untuk setiap pelajar sehingga semua data pelajar habis dibaca.
- (vi) Tentukan purata markah semua pelajar di dalam kelas.

(40/100)

- (d) Mengapakah kita perlu menulis dokumentasi untuk setiap aturcara yang dibangunkan? Apakah perkara-perkara yang mesti dicatatkan di dalam dokumentasi tersebut?

(20/100)

- 3. (a) Apakah fungsi-fungsi arahan DOS berikut?

- (i) CHKDSK
- (ii) COPY A:*. * B:
- (iii) DISKCOMP A: B:
- (iv) TYPE B:JADUAL.DOC

(20/100)

- (b) Soalan WordStar 5.

- (i) Apakah itu "Mailmerge"?, dan terangkan kegunaannya. Secara ringkas, huraikan bagaimana caranya untuk mencipta satu fail mailmerge.
- (ii) Berikan arahan-arahan yang perlu digunakan untuk:
 - (A) mencipta satu fail baru.

...4/-

- (B) menyelit satu fail yang bernama JADUAL dari disket di pemacu A ke dalam satu fail yang sedang disunting di pemacu B.
- (C) menjustifikasikan dokumen ke kanan.

(25/100)

- (c) Satu fail pangkalan data telah dicipta dengan menggunakan pakej dBase 3+. Fail tersebut mengandungi maklumat pelanggan yang membuat tempahan di sebuah agensi pelancongan. Setiap rekod di dalam fail tersebut mempunyai maklumat berikut:

NAMA_PEL	: SARAH ABDULLAH	(Nama pelanggan)
NO_TEL	: 04887888	(Nombor telefon)
TARIKH_PEN	: 03/01/90	(Tarikh penempahan dibuat)
DESTINASI	: LONDON	(Destinasi pelancongan)
TARIKH_PER	: 04/15/90	(Tarikh penerbangan)
JUM_HARI	: 7	(Jumlah hari melancong)
HARGA_PAK	: 5000.00	(Harga pakej pelancongan)
PEMBAYARAN	: T	(Sudah (T)/Belum (F) bayar)

Dengan menggunakan contoh rekod seperti di atas, apakah langkah-langkah yang perlu diambil untuk:

- (i) menyusun rekod-rekod di dalam fail tersebut mengikut DESTINASI dan JUM_HARI?
- (ii) menghapuskan secara kekal maklumat semua pelanggan yang tempahan penerbangan mereka sebelum 01/01/90?
- (iii) menyediakan satu fail pertanyaan (QUERY) untuk mengetahui pelanggan yang membuat tempahan selepas 01/02/90 ke LONDON yang belum membuat pembayaran?
- (iv) menambah satu medan baru iaitu KOD_DES (kod destinasi) di dalam fail pangkalan data tersebut?

(25/100)

...5/-